

Syarikat gantung penerbangan ke Wuhan

Kuala Lumpur: Malindo Air dan AirAsia menanggungkan penerbangan ke Wuhan, China berikutan penularan virus coronavirus di negara berkenaan.

Malindo Air dalam kenyataan berkata, ia menggantung serta-merta penerbangan antarabangnya di antara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe, China.

Penggantungan penerbangan itu adalah sebagai tindak balas terhadap larangan perjalanan yang dikeluarkan oleh pegawai di Wuhan berikutan penularan wabak coronavirus, bagi menjamin keselamatan dan keselesaan perjalanan udara dalam kalangan krew penerbangan serta penumpang, lapor BERNAMA.

Sementara itu, AirAsia juga membatalkan penerbangan dari Kota Kinabalu, Bangkok dan Phuket ke Wuhan sehingga Selasa ini.

AirAsia Bhd dalam satu kenyataan berkata, mereka yang berada di Wuhan dinasihatkan mematuhi pengumuman yang dibuat kerajaan China dan pihak berkuasa kesihatannya serta menghubungi wakil misi diplomatik atau kedutaan masing-masing di negara itu untuk mendapatkan bantuan.

"AirAsia mematuhi nasihat dan peraturan pihak berkuasa kesihatan global dan tempatan, termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya, semalam.

AirAsia berkata, pihaknya mengawasi keadaan itu dengan teliti dan akan terus memberikan maklumat mengenai perkembangan terkini.

Penumpang AirAsia yang ingin membuat perubahan rancangan perjalanan mereka ke atau dari Wuhan boleh mengubah perjalanan, mengekalkan kredit atau meminta kembali bayaran penuh.